

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 17 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	BIOMALAYSIA BIOECONOMY ASIA PACIFIC 2014	Utusan Malaysia
2	BiotechCorp sasar pelaburan RM5b	Kosmo
3	Fasa bioteknologi industri diperkasa	Utusan Malaysia
4	Sasar pelaburan bio ekonomi lebih tinggi	Utusan Malaysia
5	Penduduk kawasan banjir diminta simpan dokumen	Berita Harian
6	SIRIM, Sireh Emas hasilkan poduk	Utusan Malaysia
7	Galakkan penggunaan otak kanan untuk tingkat kreativiti dan produktiviti	Bernama.com
8	Inovasi tingkat ilmu	Berita Harian
9	World's 1 st commercially hatched lobster	New Straits Times

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MUKA DEPAN) : MUKA SURAT 1
TARIKH: 17 NOVEMBER 2014 (ISNIN)



Tambahan bagi Fasa Kedua Dasar Bioteknologi Negara yang kini mencecah RM18.5 bilion

BiotechCorp sasar pelaburan RM5b

Oleh NOR SYARIZA MUHD. TAHIR
norsyariza.tahir@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) mengunjurkan untuk menarik pelaburan sehingga RM5 bilion pada tahun 2015 menerusi Dasar Bioteknologi Negara (NBP) yang dilaksanakan.

Sehingga kini, Fasa Kedua NBP yang dilaksanakan dari tahun 2011 hingga 2015 telah berjaya menarik pelaburan keseluruhan yang mencecah RM 18.5 bilion, melepasi sasaran keseluruhan fasa tersebut yang bernilai RM9 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal berkata, dengan pelbagai pelan dan kerjasama strategik yang



MOHD. NAZLEE

akan dijalankan antara syarikat-syarikat berstatus BioNexus, pihaknya yakin dapat mencapai nilai perolehan sehingga RM50 bilion bagi keseluruhan fasa kedua dasar tersebut.

"Antara yang akan dilaksanakan adalah kerjasama antara syarikat berstatus BioNexus, DNA Science Centre (M) Sdn. Bhd. dengan Lembaga Getah Malaysia bagi meningkatkan penge-

luaran getah melalui penggunaan teknologi bio.

"Ia bukan sahaja dapat meningkatkan prestasi pertumbuhan syarikat terbabit, malah mempelbagai lagi pengeluaran produk berasaskan bioteknologi dalam sektor komoditi, selain bidang kelapa sawit yang telah dilaksanakan sebelum ini," katanya dalam satu temu bual di sini baru-baru ini.

Menurut Mohd. Nazlee, bagi membuka peluang eksport kepada syarikat-syarikat BioNexus, BiotechCorp juga akan bekerjasama dengan Pusat Kecemerlangan Thailand bagi Sains Hayat (TCELS) bagi menembusi pasaran bioteknologi di negara tersebut.

"TCELS merupakan agensi kerajaan Thailand yang bertanggungjawab dalam membangunkan industri bioteknologi dan ini merupakan kerjasama rasmi kami yang pertama dengan negara luar.

"Selepas Thailand, kami berharap untuk menembusi pasaran Asia Tenggara yang lain iaitu Indonesia dan Filipina dengan memberi fokus kepada dua bidang utama iaitu penjagaan peribadi dan industri," ujarnya.

Dalam pada itu, bagi Fasa Ketiga NBP yang akan dilaksanakan pada tahun 2016 hingga 2020, BiotechCorp menyasarkan untuk menarik sehingga RM15 bilion nilai pelaburan dengan perolehan mencecah RM100 bilion.

"Berbanding Fasa Pertama dan Kedua yang masing-masing memberi fokus kepada pembinaan kapasiti dan pengkomersialan, Fasa Ketiga bakal menekankan aspek globalisasi bidang bioteknologi tempatan," katanya.

Sehingga kini, terdapat 240 syarikat berstatus BioNexus di bawah seliaan BiotechCorp dan sebanyak 30 syarikat lagi dijangka mendapat status tersebut pada tahun hadapan.

Syarikat BioNexus merupakan syarikat-syarikat produk berasaskan bahan semula jadi tempatan dan antarabangsa yang memenuhi kriteria insentif fiskal, geran dan jaminan yang dipantau oleh BiotechCorp.

Fasa bioteknologi industri diperkasa

Fasa kedua daripada tiga fasa Dasar Bioteknologi Kebangsaan menjelang 2020

Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD
sains@utusan.com.my



PENJANAAN industri teknologi berasaskan bio dijangka akan terus berkembang pesat.



BIDANG pertanian antara sektor yang menerima manfaat terbesar pengembangan di bidang teknologi bio.



PEMBAIKBAKA dan pencarian varieti tanaman baharu yang lebih baik antara tumpuan bidang ini.

Dasar Bioteknologi Kebangsaan (NBP) yang dilancarkan pada 2005 kini hampir memasuki fasa kedua daripada rancangan lima tahun melibatkan tiga fasa. Pada fasa pertama NBP (2005-2010) memfokuskan kepada pembangunan keupayaan, penjana pekerjaan dan pembangunan kemahiran dalam tiga fokus iaitu bioteknologi pertanian, bioteknologi penjagaan kesihatan dan industri bioteknologi dan bioinformatik.

Bagi fasa kedua (2011-2015) *Sains kepada Bisnes*, fokus tertumpu kepada integrasi teknologi berasaskan bio kepada rantaian nilai sedia ada pembangunan modal insan dan kemahiran serta pengkomersialan produk penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Selain itu, fokus tertumpu kepada program pengalakkan pelaburan dari dalam dan luar negara dalam bidang pertanian, penjagaan kesihatan serta industri.

Fasa ketiga bakal menyusul pada 2016 dengan *Bisnes Global* menjadi keutamaan menjadikan Malaysia memainkan peranan penting dan industri berasaskan bio.

Oleh sebab itu, program berasaskan bioteknologi tidak pernah terhenti sejak 2005 termasuk Pameran dan Persidangan BioMalaysia yang diadakan saban tahun.

Terbaharu *Bertemakan Rakan Inovasi, Pelaburan, Pertumbuhan dalam Industri berasaskan Bio*, satu persidangan pameran berkaitan bioekonomi bakal dianjurkan di Kompleks Pengurusan Inovasi, Universiti Malaya (UM) oleh Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp) pada 19 dan 20 November ini.

Persidangan yang bakal menentangakan bioteknologi berasaskan industri itu adalah sejajar dengan Program Transformasi Bioekonomi (BTP) dan dikenali sebagai Pameran dan Persidangan BioMalaysia dan Bioekonomi Asia Pasifik 2014.

Program yang diadakan setiap tahun sejak 12 tahun dahulu itu akan memberi tumpuan kepada sektor bioekonomi dan pembangunan modal insan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal, lazimnya pihak BiotechCorp akan memberi tumpuan kepada sektor bioekonomi.

Jelasnya, antara beberapa tajuk yang akan dibincangkan pada persidangan ialah Memacu Pertumbuhan Ekonomi Menerusi Bioekonomi Malaysia,



EKSTRAK tumbuhan antara bidang bioteknologi penjagaan kesihatan yang penting.

Membiayai Peluang Industri Dalam Berasaskan Bio: Rakan Kongsi Strategik Dengan Kwangan.

Seterusnya, Membina Integrasi Hab Berasaskan Bio: Pendekatan Kluster, Biofarmaseutikal- Fasa Berbeza Bagi Membawa Biofarmaseutikal Wanita @ Biotech dan Kemajuan Dalam Akuakultur serta Malaysia Melangkah Ke Hadapan.

"Selain daripada persidangan, pameran dan padanan perniagaan, kami juga mempunyai beberapa aktiviti menarik seperti *BioCareer & BioEducation 2014* yang merupakan platform yang sesuai untuk graduan yang sedang mencari peluang pekerjaan.

"Barisan aktiviti dan program termasuk klinik resume, ceramah kerjaya, demonstrasi sains dan sesi temuduga oleh lebih daripada 30 peserta bioteknologi dan syarikat sains hayat turut diadakan," katanya ketika ditemui di ibu negara baru ini.

Tambah Datuk Dr. Mohd. Nazlee, kemuncak acara pada persidangan tersebut adalah perasmian Pameran dan Persidangan BioMalaysia dan Bioekonomi Asia Pasifik 2014 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.



SAMBUNGAN...

UTUSAN MALAYSIA (MEGA) : MUKA SURAT 8

TARIKH : 17 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

PENCAPAIAN NBP

PETUNJUK	FASA 1 (2006-2010) SASARAN	FASA 1 PENCAPAIAN	FASA 2 (2011-2015) SASARAN	FASA 2 PENCAPAIAN	FASA 3 (2016-2020) SASARAN
Pelaburan	RM6 bilion	RM5.4 bilion	RM9 bilion	RM18.52 bilion	RM15 bilion
Peluang pekerjaan	40,000	54,776	80,000	83,400	160,000
Pendapatan (akhir fasa)	RM20 bilion	RM13.3 bilion	RM50 bilion	RM3.2 bilion (hanya syarikat BNK sahaja)	RM100 bilion
Sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP)	2.5%	2.2%	4.0%	2.2% (berakhir 2010)	5.0%



DR. Mohd. Nazlee Kamal menunjukkan antara teknologi bio yang digunakan dalam proses R&D.

"Di samping itu, terdapat beberapa pertukaran dokumen yang akan memberi impak kepada bio ekonomi. "Kita akan menyaksikan beberapa pertukaran perjanjian dan pengumuman semasa BioMalaysia & Bioekonomi Asia Pasifik 2014 yang akan memacu usaha-usaha serantau bagi pembangunan bioekonomi negara," katanya.

Jelas Dr. Mohd. Nazlee, pihaknya amat teruja dan yakin bahawa industri berasaskan bio di Malaysia dapat diterima dari dalam dan luar negara.

"Kami menerima sokongan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Palm Oil Industry Cluster (POIC) Sabah, UM, Arkema, Exim Bank dan Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV)," katanya.

Menerusi acara tersebut, pihaknya akan mewujudkan lebih banyak rangkaian dan peluang kerjasama antara institusi penyelidikan dan industri dalam sektor bioteknologi bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat awam, pelajar dan pengamal potensi bio teknologi.

Antara aktiviti yang akan diadakan di BioMalaysia 2014 adalah seperti BioShopee yang akan memasarkan dan menjual produk-produk yang dihasilkan oleh syarikat-syarikat BioNexus.

Selain itu, turut diadakan adalah pameran BioCareer 2014 iaitu sesi temubual kepada lepasan institusi pengajian tinggi (IPT) yang masih mencari pekerjaan yang sesuai.

Antara tarikan lain yang bakal menggamit kehadiran peserta adalah ceramah oleh selebriti terkenal seperti Angkasawan Negara, Mejar Dr. Faiz Khaleed, Ustaz Don Daniyal Don Biyajid dan Datuk Rosyam Nor dengan pelbagai tajuk berkaitan.

Untuk menyertai persidangan tersebut, yuran yang dikenakan hanya sebanyak RM1,000.

Bagi pengunjung tapak pameran, tiada sebarang bayaran dikenakan.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web seminar tersebut di www.biomalaysia.com.my.

Pihak kami amat teruja dan yakin bahawa industri berasaskan bio di Malaysia dapat diterima di dalam dan luar negara."

Sasar pelaburan bio ekonomi lebih tinggi

PENEROKAAN bidang ekonomi berasaskan bio dilihat mampu meningkatkan pendapatan negara. Namun, ia tidak akan terlaksana jika hanya berpeluk tubuh. Oleh itu pelbagai aktiviti dilaksanakan bagi membuka peluang dan landasan agar bidang tersebut dikembangkan.

Antaranya adalah menerusi penganjuran seminar dan persidangan yang merupakan platform utama yang menjadi titik pertemuan antara pemain-pemain utama bidang bio ekonomi dunia bersama pihak yang sama dalam negara.

Menerusi penubuhan Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp) pada 2005 sehingga tahun ini, syarikat tersebut berjaya menjana pelaburan dalam negara sehingga RM18 bilion, melepasi sasaran awal sebanyak RM9 bilion menerusi pelbagai aktiviti. Salah satunya adalah Pameran dan Persidangan BioMalaysia yang diadakan setiap tahun sejak penubuhannya.

Malah, pada tahun ini sahaja, sebanyak RM3.8 bilion pelaburan berasaskan bidang tersebut telah berjaya diperolehi menunjukkan kesungguhan kerajaan menerusi BiotechCorp mengembangkan sektor itu.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal, kadar pelaburan tersebut bakal meningkat berikutan bidang

bioekonomi dalam negara juga sedang pesat berkembang.

"Pada tahun hadapan, kami menasaskan kadar pelaburan sebanyak RM5 bilion akan diperolehi dan jumlah keseluruhan peningkatan sasaran pelaburan adalah RM25 juta," katanya.

Ujarnya, pada tahun lepas sahaja hampir RM300 juta nilai transaksi telah dilaksanakan sempena penganjuran persidangan tersebut.

Kini, BiotechCorp sedang menumpukan perhatian dalam tiga bidang utama seperti yang terkandung dalam Dasar Bioteknologi Kebangsaan iaitu bioteknologi industri, pertanian dan kesihatan selain meneroka peluang serta bidang-bidang baharu yang berkaitan.

"Antaranya adalah BiotechCorp sedang bekerjasama dengan Lembaga Getah Malaysia (LGM) untuk membangunkan klon terbaik menerusi penambahbaikan asid deoksiribonukleik (DNA) bagi meningkatkan hasil komoditi negara tersebut.

"Sebelum ini kita juga telah berjaya dalam membangunkan industri sawit tempatan juga menerusi pelbagai kajian dan pengembangan (R&D)," katanya.

Untuk tujuan meluaskan aktiviti serta pertukaran pelbagai teknologi berkaitan, BiotechCorp turut bekerjasama dengan pelbagai negara antaranya adalah negara jiran Thailand.



R&D secara berterusan di bidang teknologi bio mampu menghasilkan produk-produk yang berkualiti tinggi.

Penduduk kawasan banjir diminta simpan dokumen

» Ramalan hujan sederhana, kadangkala lebat dijangka melanda Kuantan, Pekan dan Rompin

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Penduduk di daerah ini, Pekan dan Rompin diminta mula menyimpan dokumen penting di tempat selamat berikutan amaran hujan lebat peringkat jingga dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia, kelmarin.

Ramalan hujan sederhana dan kadangkala lebat dijangka melanda tiga daerah di persisi-

ran pantai negeri ini sehingga lusa.

Justeru, Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail, meminta penduduk di tiga daerah itu terutama di kawasan rendah sentiasa bersiap siaga bagi menghadapi kemungkinan banjir.

"Kita juga minta mereka selamatkan barang kelengkapan rumah lain dan buat persediaan awal. Musim tengkujuh sudah tiba dan kemungkinan berdepan banjir ada.

"Bagaimanapun, kerajaan negeri sudah menyiapkan segala keperluan jika banjir berlaku terutama kepada mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan disediakan nanti," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Tambahan pangkalan hadapan

Muhammad Safian yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negeri berkata, tahun ini, tambahan



"Kerajaan negeri sudah menyiapkan segala keperluan jika banjir berlaku terutama kepada mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan disediakan nanti"

Muhammad Safian Ismail,
Setiausaha Kerajaan Negeri

tujuh lagi pangkalan hadapan baru terutama di kawasan kritikal di daerah ini, Rompin, Pekan dan Maran.

Katanya, penambahan jumlah pangkalan hadapan itu dijangka dapat mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan asas di pusat pemindahan berulang.

"Tahun lalu, kita ada 73 pangkalan hadapan di seluruh negeri dan dengan penambahan ini menjadikan 80 pangkalan yang diharap dapat membantu.

"Kita harap penambahan pangkalan hadapan ini dapat mengelak berlaku masalah kekurangan bekalan sehingga menyukarkan mangsa di pusat pemindahan.

"Bekalan makanan dan barangan keperluan lain akan mula diagihkan kepada semua pangkalan hadapan bermula Rabu ini dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memperuntukkan kira-kira RM1 juta bagi menyediakan barangan keperluan ini," katanya.

SIRIM, Sireh Emas hasilkan produk

Oleh **NUR HANANI AZMAN**
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 16 NOV.

ORGANISASI penyelidikan dan teknologi tempatan, **SIRIM Berhad** bekerjasama dengan Sireh Emas Marketing Sdn. Bhd. menghasilkan produk penjagaan kulit menerusi proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta penggunaan ekstrak herba tempatan.

Ketua Pegawai Eksekutif Sireh Emas, Nik Juzailah Juhari berkata, syarikat memilih SIRIM untuk menjalankan penyelidikan formula produk kerana yakin dengan kemampuan mereka yang juga merupakan badan pensijilan kualiti negara ini.

Katanya, SIRIM menjalankan proses R&D secara terperinci merangkumi kajian bioaktiviti, kandungan nutrien dan ujian keselamatan ekstrak bagi memastikan ia mematuhi piawaian keselamatan produk kosmetik.

"SIRIM menawarkan kepakaran dalam bidang teknikal dan teknologi sementara Sireh Emas mengeluarkan produk berkenaan setelah ia melepasi ujian makmal seterusnya memasarkan ke seluruh Malaysia.

"Produk pertama hasil kerjasama ini adalah Xanzwhite dilancarkan pada 2008 dan telah memenangi lima anugerah di peringkat negara dan antarabangsa," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Sireh Emas dan SIRIM telah menjalin hubungan rapat sejak 2006 dengan pelaburan terlibat mencecah RM1 juta dalam mengeluarkan lima jenis produk penjagaan kulit.

Produk dihasilkan khas mengikut jenis kulit dan cita rasa pengguna tempatan malah bahan digunakan dalam produk berkenaan adalah halal dengan mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Tambah beliau, Sireh Emas ketika ini sedang memohon dana pengkomersialan bagi menaik taraf keupayaan mesin di kilangnya untuk menembusi pasaran luar di Kemboja dan Vietnam menjelang 2016.



NIK JUZAILAH JUHARI menunjukkan produk penjagaan kulit yang dihasilkan oleh syarikat Sireh Emas Marketing Sdn. Bhd dengan kerjasama SIRIM Berhad di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Kami dalam proses perbincangan dengan wakil pengedar dari Kemboja untuk membawa masuk produk ke negara mereka di samping turut mendapat permintaan dari negara Asia Barat," katanya.

Mengenai cabaran dalam industri kosmetik, Nik Juzailah berkata, pengguna tempatan hari ini lebih memilih produk mengandungi bahan kimia yang boleh memberi kesan pencerahan misalnya dalam masa terdekat.

Menurutnya, diakui kandun-

gan herba tempatan termasuk halia dan sirih akan mengambil masa agak lama untuk bertindak kepada kulit muka seseorang tetapi yang penting ia tidak mempunyai kesan sampingan membahayakan.

"Lambakan produk tanpa kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang boleh didapati dengan mudah dan murah di pasaran Malaysia amat membimbangkan dan perlu diberi perhatian serius," katanya.



Galakkan Penggunaan Otak Kanan Untuk Tingkat Kreativiti Dan Produktiviti

Oleh S. Kisho Kumari

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Andai Elanggovan Thanggavilo dapat mengikut kehendak hatinya, apa yang ingin beliau lakukan ialah mengembalikan sistem pendidikan kepada amalan kuno yang menggalakkan penggunaan kedua-dua bahagian otak kiri dan kanan, sekali gus melahirkan daya kuasa minda holistik.

Pelatih sumber manusia dan ahli motivasi itu berkata sistem pendidikan semasa yang berorientasikan peperiksaan kini memerlukan pelajar hanya menggunakan bahagian kiri otak, sekali gus menyebabkan mereka belajar dan berkelakuan "seperti robot".

"Sebaliknya, pengaktifan otak kanan menghasilkan pelajar yang dapat berfikir secara bijak dan kreatif, dan memungkinkan mereka menjadi perekacipta yang hebat," kata anak sulung daripada empat adik-beradik ini.

Dilahirkan di Klang, Elanggovan, yang terpesona dengan cara otak manusia berfungsi sejak muda, telah melakukan penyelidikan mengenainya selama 27 tahun sebelum membangunkan satu program revolusi pemikiran holistik daya kuasa minda dipanggil The Seven Secrets Rhythm (T7SR) (Tujuh Rahsia Irama) untuk penjawat awam dan pekerja sektor swasta.

Keyakinan melangit tinggi Elanggovan terhadap keberkesanan programnya, telah mendorong beliau mendekati [MIMOS Berhad](#), sebuah pusat penyelidikan dan pembangunan bagi inovasi teknologi maklumat dan komunikasi negara, selain mengemukakan cadangan untuk melatih jurutera institusi itu menjadi lebih kreatif dan produktif.

KURSUS JANGKA PENDEK JURUTERA MIMOS

"Apabila saya mengunjungi MIMOS pada bulan Februari tahun ini, beberapa pegawai mereka memberitahu saya bahawa dalam tempoh tiga tahun yang lalu, institusi itu tidak menghasilkan apa-apa ciptaan unik," kata beliau, dan menambah kata bahawa beliau mengemukakan cadangan untuk melatih jurutera MIMOS menggunakan modul latihan yang dibentuknya dan dikenali sebagai 'The 7 Secrets Rhythm MINDPRENEURSHIP for Scientists.'

Sudah pasti, program berkenaan membabitkan sejumlah kos dan untuk tujuan berkenaan MIMOS perlu mengeluarkan perbelanjaan lebih RM5 juta, namun Elanggovan memberi jaminan bahawa pembayaran kepadanya hanya perlu dilakukan jika programnya mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan atau mencapai sasaran bagi penghasilan ciptaan baharu dalam tempoh 18 bulan.

Walaupun MIMOS tidak menerima tawaran itu, institusi itu telah melibatkan Elanggovan untuk mengendalikan kursus jangka pendek untuk para juruternya, mulai Januari tahun depan.

"Saya akan mengajar mereka teknik khas untuk mencetuskan fungsi otak dan minda mereka.

Dalam tempoh 12 hari menghadiri kursus ini, akan ada kesan daripada segi emosi dan hubungan mereka. Kemudian, mereka akan mula muncul dengan idea-idea baharu dan dalam tempoh 50 hari, mereka akan melihat hasil yang ketara daripada segi KPI mereka," beliau berjanji.

Elanggovan juga telah membangunkan modul yang dipanggil VGENIUST untuk melatih pelajar untuk cemerlang dalam bidang akademik dan sukan.

Kedua-dua program T7SR dan VGENIUST dikendalikan melalui institut miliknya, juga dipanggil The Seven Secret Rhythm, yang ditubuhkan pada 2007.

INISIATIF CSR

"Setakat ini kita telah melatih lebih 16,000 pelajar di seluruh negara yang akhirnya mendapat keputusan bagus," dakwa Elanggovan, yang terlatih dalam bidang kejuruteraan perisian.

Mengakui bahawa tidak semua mampu membayar yuran yang beliau kenakan bagi menghadiri kursus kendaliannya, Elanggovan memutuskan untuk menubuhkan Persatuan Minda Pintar Malaysia (ISOM), yang kelihatan lebih berbentuk satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) di pihaknya.

Melalui ISOM, Elanggovan berhasrat menawarkan kursus kepada pelajar tanpa sebarang bayaran, atau mungkin hanya sekadar bayaran minimum.

"Idea untuk menubuhkan ISOM datang kira-kira apabila sesetengah sekolah meminta saya menawarkan kursus yang saya kendalikan tetapi kadar komersial yang saya kenakan tidak sepadan dengan bajet mereka.

"Maka, saya babitkan rakan-rakan usahawan saya untuk mencari penaja bagi membantu sekolah-sekolah ini dan ketika inilah saya menyedari bahawa kita perlu mempunyai satu entiti yang melaluinya kita boleh menjalankan kursus untuk sekolah-sekolah dan pertubuhan bukan kerajaan."

Mengimbas kembali zaman kanak-kanaknya, Elanggovan berkata beliau merupakan seorang yang agak nakal dan tidak suka untuk mengulang kaji.

"Saya lebih banyak melayani idea teknik penciptaan yang akan membantu pelajar untuk melakukan ulang kaji minimum namun berjaya memperoleh markah yang tinggi! Mujurlah, saya sering mendapat markah yang baik dengan beberapa teknik amali yang saya pelajari daripada datuk nenek, ibu bapa saya, dan guru serta rakan tertentu."

Beliau berkata ibu bapa di seluruh dunia biasanya mencuba sebaik mungkin untuk memastikan anak-anak mereka belajar dengan tekun dan menghafal fakta dan angka, tetapi tidak semua berakhir dengan prestasi baik dalam peperiksaan masing-masing.

"Bahkan tuisyen dan kelas tambahan tidak menjamin perolehan keputusan yang baik," katanya, sambil menegaskan bahawa satu-satunya jalan keluar bagi para pelajar, secara jujurnya, adalah dengan membina atau menghubungkan semula saraf-saraf neuron otak mereka, yang secara kebetulan adalah fokus utama program latihan minda yang dikendalikannya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (PENDIDIKAN) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 17 NOVEMBER 2014 (ISNIN)



Idris menyampaikan anugerah **Hadiah Buku Inovasi** kepada wakil empat rakan universiti MTDC di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Inovasi tingkat ilmu

» Hasil penyelidikan boleh dikomersialkan, bermanfaat untuk masyarakat

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Inovasi dan penyelidikan yang tidak dikomersialkan bukannya pembaziran tetapi bermanfaat untuk meningkatkan penguasaan ilmu kemahiran pensyarah atau pelajar.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata penyelidikan yang dibuat oleh universiti tidak hanya untuk pengkomersialan tetapi bagi memberi manfaat kepada masyarakat.

"Penyelidikan mempunyai banyak manfaat dan satu daripadanya ialah membantu mening-

katkan lagi ilmu secara lebih mendalam mengenai sesuatu bidang.

"Pada masa yang sama, universiti juga perlu membuat perubahan yang selari dengan perubahan industri supaya penyelidikan yang dihasilkan mempunyai potensi untuk dikomersialkan," katanya pada sidang media di sini, baru-baru ini.

Kerjasama awam-swasta

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Pengkomersialan Teknologi 2014 Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC).

Yang turut hadir ialah Pengerusi MTDC, Datuk Siti Hadzar Mohd Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Norhalim Yunus.

"Penyelidikan mempunyai banyak manfaat dan satu daripadanya ialah membantu meningkatkan lagi ilmu secara lebih mendalam mengenai sesuatu bidang"

Idris Jusoh,
Menteri Pendidikan II

Idris berkata, bagi menyokong penyelidikan oleh universiti, Bajet 2015 memperuntukkan RM50 juta di bawah inisiatif Rangkaian Penyelidikan Swasta-Awam.

"Melalui inisiatif ini, syarikat berpeluang berkongsi cabaran dan masalah teknikal mereka dengan universiti dan institut penyelidikan.

"Penyelidik pula akan berpeluang menilai masalah yang dikemukakan dan pasukan yang tampil dengan penyelesaian terbaik akan dianugerahkan geran bernilai RM30,000 untuk membangunkan penyelidikan berkenaan," katanya.

Rakan MTDC

Sementara itu, Norhalim berkata, sempena dengan persidangan

berkenaan, empat rakan universiti MTDC iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dianugerahkan Hadiah Buku Inovasi berjumlah RM51,500.

"Tujuan hadiah ini adalah untuk menghargai penyelidikan yang dibuat universiti membabitkan bidang inovasi, pengkomersialan dan perniagaan," katanya.

Persidangan yang bertemakan Kerjasama Strategik: Masa Untuk Berfikir Semula itu disertai 500 peserta terdiri daripada ahli akademik, penyelidik, usahawan, penggubal dasar, pakar dalam bidang teknologi dan pengurus dana.

Idris (kanan) meninjau pameran yang diadakan selepas perasmian Persidangan Pengkomersialan Teknologi 2014 MTDC.

World's 1st commercially hatched lobster

TUARAN: A small high-tech facility here became the envy of many as it recorded the world's first commercially hatched ornate spiny lobsters, or *Panulirus ornatus*.

The success of the Integrated Lobster Aquaculture Park (iLAP) Mini Commercial Hatchery marked a massive leap for the state in cutting-edge technology, taking Malaysia closer to the global market for lobsters, valued at US\$4 billion (RM13.4 billion) annually.

Lobster Aqua Technologies Sdn Bhd (LAT) president and chief executive officer Dr Shahridan Faiez said the breakthrough highlighted Malaysia as a country possessing a sustainable lobster production with experts in the industry.

He said only a handful of people in the world possessed the knowledge and technology to culture the 11 stages and metamorphosis, from larvae to juvenile lobster.


"No one has ever bred large lobsters and the achievement indicates that Sabah, with its natural tropical environment, is now a landmark for its production."

Shahridan said lobsters hatched at the facility would be transported to sea cages in Semporna where the Integrated Lobster Aquaculture Park was located, on a 10,000ha site in Pulau Timbun Mata.

The 15-year project, worth RM3 billion, is expected to generate 20,000 jobs by 2028.

"We are proud to have localised this technology."

"This is how technology and talent come together, becoming a



Prime Minister Datuk Seri Najib Razak taking a photograph of an ornate spiny lobster on the palm of **Sabah Chief Minister Datuk Seri Musa Aman** during a visit to the Integrated Lobster Aquaculture Park Mini Commercial Hatchery in Tuaran yesterday.

powerful catalyst for transformation.

"Without the support of the state and federal governments, none of this would have been possible."

The iLAP project is managed by LAT, a joint venture between Nanyang Nexus Sdn Bhd and Yayasan Sabah's subsidiary, Inno Fisheries Sdn Bhd.

The park comprises three hatcheries, supporting infrastructures, processing plants, 9,300ha sea space for contract farmers and marketing entities.